

## AFFIN ADVANCE

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b> <p>Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil AFFIN Advance. Pastikan anda membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan juga terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran dan perjanjian. Anda dengan ini diingatkan untuk sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada Affin Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am yang dinyatakan di sini.</p>	 <p><b>Affin Bank Berhad</b> 197501003274 (25046-T) <b>Produk : AFFIN Advance</b></p>
<b>1. Apakah produk ini?</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Ini adalah kemudahan Pinjaman Peribadi tidak bercagar untuk membiayai kos sampingan Pinjaman Gadai Janji yang diluluskan oleh AFFIN BANK.</li><li>• Kos sampingan Pinjaman Gadai Janji terdiri daripada:<ol style="list-style-type: none"><li>1. Premium Insurans Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA)/Insurans Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA)/Insurans Bertempoh Kredit Berkurangan (CRTA).</li><li>2. Yuran penilaian</li><li>3. Duti setem; dan/atau</li><li>4. Yuran guaman</li></ol></li></ul>	
<b>2. Apa yang saya dapat daripada produk ini?</b>	
Ciri-ciri produk adalah seperti berikut :	
<b>Kelayakan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Individu yang layak umur 21 – 60 tahun.</li><li>ii. Keupayaan pembayaran untuk dinilai berdasarkan dasar kredit yang diluluskan seperti berdasarkan keupayaan pembayaran peminjam.</li><li>iii. Pelanggan gadai janji AFFIN BANK yang baru dan sedia ada dengan Pinjaman Gadai Janji yang diluluskan dengan Bank.</li></ul>
<b>Kadar Faedah</b>	Kadar Asas Standard + 1.55% setahun <b>* Nota: Jumlah pembayaran mungkin berbeza bergantung kepada perubahan Kadar Asas Standard (KAS). Berkuat kuasa 8 Mei 2023, KAS kami adalah 3.00% setahun.</b>

<b>Tempoh</b>	Minima : 2 tahun Maksima : 10 tahun atau berumur 70 tahun, yang mana lebih awal
<b>Jumlah Pinjaman</b>	Minima : RM5,000 Maksima : RM150,000
<b>Margin Kewangan</b>	5% daripada nilai harta tanah (bersamaan dengan pembiayaan semasa tertakluk kepada had maksima RM150,000)
<b>Syarat Sebelum Pembayaran</b>	Peminjam perlu membayar/mengkredit jumlah duti setem ad-valorem dan yuran guaman (jika ada) ke dalam akaun simpanan/akaun semasa Peminjam yang dibuka dengan Bank. Peminjam membveri kebenaran kepada Bank untuk mendebitkan jumlah duti setem dan yuran guaman (jika ada) daripada akaun simpanan/akaun semasa Peminjam.

### 3. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalam (OPR), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

### 4. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?

KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR).

### 5. KAS bersejarah selama 3 tahun yang lalu:

Sila rujuk [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) > Produk dan Perkhidmatan (Peribadi) > Pinjaman dan Pembiayaan > Klik nama produk > Maklumat Penting > Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan

### 6. Apakah kewajiban saya?

#### Contoh:

Jumlah yang dipinjam : RM10,000  
Kadar faedah : KAS + 1.55% setahun  
Tempoh : 10 tahun

#### Obligasi:

Ansuran bulanan anda : RM104  
Jumlah keseluruhan yang anda harus bayar balik, termasuk jumlah dipinjam adalah RM12,466

Ansuran bulanan dan jumlah amaun pembayaran balik anda akan berubah-ubah jika Kadar Asas Standard (KAS) berubah.

Contohnya:

Kadar	KAS= 3.00%	Jika KAS naik 1%	Jika KAS naik 2%
Amaun bulanan (RM)	104	109	114
Jumlah kos faedah pada akhir tempoh 10 tahun (RM)	2,466	3,053	3,656
Jumlah amaun pembayaran balik pada akhir tempoh 10 tahun (RM)	12,466	13,053	13,656

Berkuat kuasa 8 Mei 2023, KAS kami adalah 3.00% setahun.

#### 7. Apakah jenis dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Yuran / Caj	Butiran Yuran / Caj
Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 (ditukar pada 1989)
Yuran pemprosesan (setiap permohonan)	Dikecualikan
Yuran pengambilan dokumen keselamatan (setiap permintaan – salinan fotokopi lengkap dokumen)	RM30.00
Penyata pinjaman tambahan (atas permintaan)	RM10.00
Yuran guaman, yuran pembayaran dan caj pelbagai	Bergantung kepada tawaran pakej produk

Note:

- i. Kami akan menghubungi anda dalam tempoh sekurang-kurangnya 21 hari kalender sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam yuran dan caj yang dikenakan terhadap kemudahan pinjaman anda.
- ii. Selaras dengan semua terma dan syarat lain dalam Surat Tawaran.

#### 8. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

- Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun dari amaun tertunggak sehingga penyelesaian tunggakan amaun.
- Kami boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun yang dikendalikan dengan kami terhadap sebarang baki belum jelas dalam akaun kemudahan ini yang kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 7 hari kalender terlebih dahulu.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal menjawab notis peringatan. Anda perlu menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang baki setelah tindakan undang-

undang diambil terhadap anda.

- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sulit atau mahal untuk anda.
- Seperti semua terma dan syarat lain dalam Surat Tawaran dan Terma dan Syarat Standard.

#### **9. Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Tiada tempoh tertutup.
- Semua terma dan syarat lain seperti surat tawaran.

#### **10. Adakan saya perlukan atau cagaran?**

- Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

#### **11. Adakan saya perlukan sebarang perlindungan Insurans?**

Insuran Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA) / Insuran Bertempoh Kredit Mendatar (CLTA) atau Insuran Bertempoh Kredit Berkurangan (CRTA) adalah digalakkan. Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, MRTA/CLTA/CRTA akan membayar semua jumlah pinjaman anda yang tertunggak kepada Bank. Ini akan mengurangkan beban pembayaran kepada mangsa atau keluarga terdekat anda.

#### **12. Apakah risiko utama?**

- Kadar faedah atas pinjaman ini terapung dan tertakhluk pada Kadar Asas Standard (KAS). Kadar faedah boleh berubah mengikut perubahan dalam kadar rujukan. Peningkatan kadar faedah boleh menyebabkan pembayaran bulanan yang lebih tinggi.

#### **13. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya?**

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua urusan surat-menyurat dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.
- Mengikut dasar / garis panduan AFFIN BANK dan dokumen keselamatan piawai, sebarang perubahan butiran kontrak mestilah dialamatkan kepada Affin Bank Berhad secara bertulis dan ditandatangani oleh peminjam.

#### **14. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

- Jika anda menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran balik, hubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

##### **Jabatan Pengurusan Kualiti Aset**

Perbankan Komuniti  
Affin Bank Berhad,  
Tingkat 4, 401 & 501, Block C,  
Kelana Business Centre,  
Jalan SS7/2,  
47301 Kelana Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel No : 03-8230 2828

- Selain itu, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu.

Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 & 6

Menara Aras Raya (Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)

Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Telefon: 03-26167766

Laman Sesawang: [www.bijakkewangan.akpk.org.my](http://www.bijakkewangan.akpk.org.my)

- Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi

Tingkat 9, Menara AFFIN,

Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange,

55188 Kuala Lumpur

E-mel: [yourvoice@affingroup.com](mailto:yourvoice@affingroup.com)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau BNMLINK Bank Negara Malaysia di :

Blok D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Telefon: 1-300-88-5465

Faks: 03-21741515

Borang Web eLINK: [bnmlink.bnm.gov.my](http://bnmlink.bnm.gov.my)

#### **15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sila hubungi kami di cawangan yang berdekatan anda atau hubungi Pusat Panggilan kami di 03-8230 2222 atau layari laman web [www.AffinAlways.com](http://www.AffinAlways.com) untuk maklumat lanjut.

#### **16. Apakah pakej pinjaman peribadi lain yang ada?**

- AFFIN Credit Plus
- AFFIN Extra Plus
- Pembiayaan semula tambahan untuk kegunaan peribadi

#### **PERINGATAN PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA MENGABAIKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN ANDA DAN ANDA PERLU MENANGGUNG SEMUA KOS YANG BERKAITAN DENGAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 22 Februari 2024.

- Saya / Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya / kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya / kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_